

Perkembangan Gerakan Pembebasan Hijaz dan Anti Ibn Saud, 1920-an Hingga 1930-an (Development of the Hijaz Liberation Movement and Anti Ibn Saud, 1920s to 1930s)

Rabiatul Adawiyah Abdullah,* Abu Hanifah Haris** & Zulkanaain Abdul Rahman***

Abstrak

Makalah ini membincangkan perkembangan gerakan pembebasan Hijaz dan anti-Ibn Saud dari tahun 1920-an hingga 1930-an. Kemunculan tiga gerakan pembebasan Hijaz dan anti-Ibn Saud membuktikan gerakan tersebut sangat signifikan dan bersifat anti-Ibn Saud. Oleh hal yang demikian, makalah ini diketengahkan bagi meneliti perkembangan awal gerakan pembebasan Hijaz dan anti-Ibn Saud iaitu *Hijaz National Party* (HNP), di samping menilai perkembangan gerakan pembebasan Hijaz dan anti-Ibn Saud iaitu gerakan Ikhwan dan *Hijaz Liberation Party* (HNP). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kajian perpustakaan dengan menganalisis sumber primer dan sekunder. Antara sumber primer yang digunakan ialah fail *Foreign Office* (FO), *Colonial Office* (CO) dan *Political and Secret Department Record* (IOR/L/PS) yang diperoleh di *The National Archives* dan *British Library*, London. Hasil kajian mendapati bahawa kemunculan gerakan anti-Ibn Saud di Hijaz muncul selepas penaklukan Ibn Saud ke atas Hijaz yang berusaha untuk menguasai Hijaz melalui pendekatan politik dan pentadbiran. Terdapat tiga gerakan yang menentang Ibn Saud ketika itu iaitu *Hijaz National Party*, gerakan Ikhwan dan *Hijaz Liberation Party*. Namun begitu, perjuangan semua gerakan tersebut akhirnya mengalami kegagalan dan berjaya disingkirkan oleh Ibn Saud bermula dengan pengharaman HNP pada tahun 1926, diikuti dengan kemerosotan gerakan Ikhwan pada awal tahun 1930-an. Penubuhan negara Arab Saudi pada tahun 1932 pula berjaya menggugat perjuangan HLP sehingga membawa kepada pengharaman gerakan tersebut pada tahun 1936.

Kata kunci: Gerakan anti-Ibn Saud, Hijaz, *Hijaz National Party*, gerakan Ikhwan, *Hijaz Liberation Party*, Ibn Saud

Abstract

This article discusses the development of the Hijaz liberation and anti-Ibn Saud movements from the 1920s to the 1930s. The emergence of three movements for the liberation of Hijaz and anti-Ibn Saud proves that the movement is very significant and anti-Ibn Saud. Therefore, this article is highlighted to examine the early development of the Hijaz liberation movement and the anti-Ibn Saud, namely the Hijaz National Party (HNP), in addition to evaluating the development of the Hijaz liberation movement and the anti-Ibn Saud movement, namely the Ikhwan movement and the Hijaz Liberation Party (HNP). This study uses qualitative methods and library research by analyzing primary and secondary sources. Among the primary sources used are the Foreign Office (FO), Colonial Office (CO) and Political and Secret Department Record (IOR/L/PS) had obtained from The National Archives and the British Library, London. The results of the study found that the emergence of the anti-Ibn Saud movement in the Hijaz appeared after the conquest of the Hijaz by Ibn Saud who sought to dominate the Hijaz through a political and administrative approach. There were three movements that opposed Ibn Saud at that time, namely the Hijaz National Party, the Ikhwan movement and the Hijaz Liberation Party. Nevertheless, the struggle of all these movements eventually failed and was successfully removed by Ibn Saud starting with the banning of the HNP in 1926, followed by the decline of the Brotherhood movement in the early 1930s. The establishment of the state of Saudi Arabia in 1932 succeeded in challenging the HLP struggle leading to the banning of the movement in 1936.

Keywords: Anti-Ibn Saud movement, Hijaz, *Hijaz National Party*, Ikhwan movement, *Hijaz Liberation Party*, Ibn Saud

* Rabiatul Adawiyah Abdullah (corresponding author), PhD candidate, Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: rabiatulamin04@gmail.com

** Abu Hanifah bin Haris (PhD), Senior Lecturer, Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: abuhanifah@um.edu.my

*** Zulkanaain Abdul Rahman (PhD), Associate Professor, Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: zulkana@um.edu.my

Pengenalan

Wilayah Hijaz yang terletak di Pantai Barat Semenanjung Tanah Arab mengalami perkembangan politik yang penting bermula pada tahun 1924 iaitu bermulanya pencerobohan Ibn Saud ke atas Hijaz. Perkembangan tersebut menimbulkan kesedaran untuk menubuhkan gerakan dan pertubuhan politik yang radikal. Antaranya gerakan pembebasan Hijaz dan anti-Ibn Saud yang terawal ialah *Hijaz National Party* (HNP) yang ditubuhkan di Hijaz. Pada bulan Disember 1925, Ibn Saud berjaya melakukan penaklukan ke atas Hijaz dan memerintah secara autokratik. Seterusnya, Ibn Saud memperkenalkan Majlis Perundingan yang diketuai oleh anak lelaki beliau iaitu Faisal Ibn Abd Aziz al-Saud. Langkah tersebut bertujuan untuk menarik sokongan rakyat Hijaz mengikut acuan Ibn Saud demi memenuhi cita-cita tersirat Ibn Saud di Hijaz. Strategi tersebut juga bertujuan untuk menguatkan pengaruh beliau di Hijaz.

Ibn Saud berjaya melahirkan sebuah sistem pentadbiran yang sesuai dengan acuan beliau seterusnya berjaya mengekalkan pemerintahan beliau dan institusi pentadbiran moden di Hijaz yang sebelum ini hanya tinggal pada nama sahaja. Setiap langkah tersebut dilakukan bagi memperkuuhkan cengkaman dan kedudukan Ibn Saud di Hijaz seterusnya menyatupadukan wilayah Hijaz dan Nejd. Namun, langkah tersebut mendapat tentangan dalam kalangan pemimpin gerakan Ikhwan yang tidak dipilih menganggotai pentadbiran Ibn Saud sehingga mereka melancarkan gerakan protes dan penentangan secara bersenjata terhadap Ibn Saud.

Walau bagaimanapun, dasar pentadbiran Ibn Saud yang dilaksanakan di Hijaz akhirnya berjaya melemahkan sistem politik, ekonomi dan sosial di Hijaz. Keadaan tersebut menyebabkan institusi pentadbiran yang sedia ada di Hijaz hanya menjadi boneka sahaja. Ini jelas menunjukkan bahawa sistem politik Hijaz sudah dikuasai sepenuhnya oleh pentadbiran Ibn Saud. Dasar dan kepimpinan Ibn Saud tersebut menimbulkan kemarahan rakyat Hijaz. Perkembangan tersebut menimbulkan persepsi negatif oleh sebilangan rakyat Hijaz yang melahirkan rasa tidak puas hati terhadap penguasaan dan pentadbiran kerajaan Ibn Saud yang bersifat autokratik. Akhirnya, *Hijaz Liberation Party* ditubuhkan untuk membebaskan Hijaz daripada pengaruh Ibn Saud sepenuhnya. Oleh itu, terdapat tiga gerakan pembebasan dan anti-Ibn Saud yang muncul di Hijaz iaitu *Hijaz National Party*, gerakan Ikhwan dan *Hijaz Liberation Party*.

Perkembangan Awal Gerakan Pembelaan Hijaz dan Anti-Ibn Saud

Hijaz National Party (HNP)

Kemunculan gerakan pembelaan Hijaz berkembang selaras dengan perkembangan politik Hijaz yang bermula pada tahun 1924. Gerakan anti-Ibn Saud pula merupakan gerakan yang bersifat anti-Ibn Saud iaitu berjuang bagi menjatuhkan pemerintahan Ibn Saud sejak kenaikan beliau sebagai pemerintah Hijaz pada tahun 1925 sama ada perjuangan secara bersenjata dan desakan bagi mencapai matlamat yang diperjuangkan. Perkembangan awal gerakan pembelaan Hijaz berkait rapat dengan gerakan memprotes atau mempertikai pencerobohan Ibn Saud ke atas Hijaz melalui kemunculan gerakan politik awal iaitu *Hijaz National Party* (HNP). Bagi mereka, pencerobohan Ibn Saud menyebabkan pertumpahan darah dan mereka mahu menamatkan perperangan yang berlaku selain berlaku perubahan terhadap taraf politik di mana Hijaz dijajah oleh Ibn Saud.

Hijaz National Party (HNP) atau juga dikenali sebagai *Hizb al-Watani al-Hijazi* ditubuhkan secara rasminya pada tahun 1924 di Jeddah. HNP lahir hasil daripada satu perbincangan di antara tokoh-tokoh terkenal Hijaz yang ingin mengelakkan perperangan dan pertumpahan darah ketika penaklukan Ibn Saud ke atas Hijaz pada tahun 1924.¹ HNP ditubuhkan bermatlamat untuk mempertahankan kedaulatan Hijaz dan keinginan rakyat Hijaz untuk memerintah Hijaz berlandaskan amalan demokrasi sebagaimana yang diperjuangkan sejak pemerintahan Raja Hijaz, Raja Hussein bin Ali² lagi. Selain itu, mereka juga mahu bebas daripada pemerintahan Ibn Saud yang mengamalkan sistem pemerintahan autokratik.

¹ Randall Baker (1979), *King Husain and the Kingdom of Hejaz*, New York: Oleander Press, h. 207-208.

² Raja Hussein bin Ali (1853-1931) merupakan Sharif Makkah yang berasal daripada keturunan keluarga Bani Hashim yang memerintah Makkah, Madinah dan Hijaz dari tahun 1908 hingga 1916. Raja Hussein mempelopori Pemberontakan Arab 1916 untuk menentang kerajaan Turki Uthmaniyyah. Semasa Perang Dunia Pertama, kerajaan Turki Uthmaniyyah berpihak kepada Kuasa Pusat menentang Kuasa Bersatu yang membolehkan Raja Hussein merebut peluang untuk membebaskan wilayah Arab daripada kerajaan Turki Uthmaniyyah. Walaupun Raja Hussein mengisytiharkan dirinya sebagai Raja Tanah Arab tetapi pada tahun 1917, British hanya mengiktiraf Raja Hussein sebagai Raja Hijaz. Lihat Mary C. Wilson (1991), "The Hashimite, The Arab Revolt and Arab Nationalism," dalam Rashid Khalidi (ed.), *The Origins of Arab*

Penubuhan HNP bertitik tolak daripada penaklukan Taif pada tahun 1924. Pada 4 Jun 1924, Ibn Saud mengadakan perbincangan dengan pemimpin suku, tokoh agama dan gerakan Ikhwan mengenai perancangannya untuk menakluk Hijaz.³ Melalui perbincangan tersebut, mereka bersetuju untuk menggulingkan pemerintahan Raja Hussein dan merebut kembali Kota Suci Makkah dan Madinah. Pada 4 September 1924, gerakan Ikhwan di bawah pimpinan Ibn Bijad dan Khalid Ibn Luway melancarkan serangan ke atas Taif.⁴ Dalam serangan tersebut, gerakan Ikhwan melakukan pembunuhan kejam sehingga menyebabkan ratusan lelaki, wanita dan kanak-kanak telah dibunuh secara kejam. Pembunuhan kejam tersebut menyebabkan penduduk Taif berada dalam ketakutan dan melarikan diri ke bandar lain seperti Makkah. Selain itu, gerakan Ikhwan juga merampas harta benda penduduk Taif. Walaupun Raja Hussein meminta bantuan British, tetapi pihak British memutuskan untuk tidak campur tangan dalam konflik yang melibatkan Kota Suci Makkah dan Madinah.⁵ Oleh itu, keadaan tersebut memberikan tekanan yang luar biasa kepada kerajaan Raja Hussein bagi menghadapi perperangan dengan pihak Ibn Saud.

Berikutnya perkembangan tersebut, sebilangan rakyat Hijaz yang menginginkan kebebasan akhirnya bangkit menyuarakan pandangan sendiri dalam usaha untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat umum tentang kewajipan mempertahankan Hijaz daripada pencerobohan Ibn Saud. Pada akhir bulan September 1924, sekumpulan tokoh terkenal di Makkah dan Jeddah dengan sebulat suara telah menubuhkan *Hijaz National Party* (HNP).⁶ Mereka terdiri daripada tokoh terkenal Jeddah dan Makkah yang terdiri daripada ulama Makkah, *Kaimakam* Jeddah, pedagang kaya dan ahli majlis perbandaran Hijaz.⁷ Antaranya ialah Muhammad Tawil, Tahir al-Dabbagh, Abd Rauf al-Sabban, Fuad al-Khatib, Sulaiman Qabil, Abdullah Ali Rida, Qasim Zainal Ali Rida, Ali Salama, Muhammad Nasif dan Muhammad Salih Nasif.⁸ Jelaslah bahawa mereka memainkan peranan penting dalam memelihara kedaulatan dan berusaha untuk menyelamatkan Hijaz daripada pencerobohan Ibn Saud.

Selain itu, HNP ditubuhkan bertujuan untuk menjatuhkan Ibn Saud dan memelihara Hijaz daripada perperangan serta melindungi Hijaz daripada semua tipu muslihat dan pengaruh luar. Ini juga bermakna penubuhan HNP tidak menuntut sebuah pemberontakan, sebaliknya bertujuan menerapkan perjuangan mempertahankan Hijaz daripada pencerobohan pihak luar selain merupakan perjuangan jihad agama menentang ideologi Wahabi bagi memelihara integriti wilayah dan politik Hijaz.⁹ Oleh yang demikian, penubuhan HNP merupakan tindak balas terhadap penaklukan Taif oleh pasukan Wahabi sehingga menyebabkan ratusan penduduk telah dibunuh secara beramai-ramai. Tegasnya, penubuhan HNP didorong oleh kesedaran tokoh-tokoh terkenal Hijaz untuk mengelakkan perperangan dan pertumpahan darah.

Oleh yang demikian, pengisian perjuangan mereka ini diterjemahkan melalui kaedah dan pendekatan yang difikirkan sesuai pada waktu tersebut. Tokoh-tokoh terkenal Hijaz mengadakan pertemuan dengan ahli-ahlinya untuk memilih perwakilan parti yang akan mewakili mereka. Pertemuan tersebut berlangsung di rumah Muhammad Nasif. Semua yang hadir dalam pertemuan tersebut melakukan pengundian dan lebih daripada 600 undi telah diberikan oleh mereka. Seramai 12 orang dipilih sebagai perwakilan untuk mewakili HNP iaitu lapan orang berasal dari Jeddah dan empat orang berasal dari Makkah. Muhammad Tawil dilantik sebagai Presiden dan Muhammad Tahir al-Dabbagh sebagai Setiausaha.¹⁰ Muhammad Tawil merupakan Pengarah Kastam di Jeddah ketika pemerintahan Raja Hussein. Melalui penubuhan HNP, mereka menunjukkan sikap patriotisme terhadap negara dan tanggungjawab sebagai rakyat untuk mempertahankan negara.

³ Nationalism, New York: Columbia University Press, h. 213-214. Lihat juga Joshua Teitelbaum (2001), *The Rise and The Fall of the Hashemite Kingdom of Arabia*, London: Hurst & Company, h. 37-40.

⁴ Swanson Robert (2019), “The Rise of a King and the Birth of a State: The Development of Saudi Arabia in the Context of World War I,” *The Thetean: A Student Journal for Scholarly Historical Writing*, Jil. 48, Bil. 1, h. 12.

⁵ Timothy J. Paris (2005), *Britain, the Hashemites and Arab Rule, 1920-1925: The Sherifian Solution*, London: Frank Cass, h. 340.

⁶ Peter Hopday (1978), *Saudi Arabia Today: An Introduction to the Richest Oil Power*, London: McMillan Press, h. 28.

⁷ Timothy J. Paris (2005), *Britain, the Hashemites and Arab Rule, 1920-1925*, h. 343.

⁸ Madawi al-Rasheed (2013), *A Most Masculine State: Gender, Politics and Religion in Saudi Arabia*, Cambridge: Cambridge University Press, h. 10-11.

⁹ Ulrike Freitag (2020), *A History of Jeddah: The Gate to Mecca in the Nineteenth and Twentieth Centuries*, Cambridge: Cambridge University Press, h. 288-289.

¹⁰ Malik R. Dahlan (2018), *The Hijaz: The First Islamic State*, New York: Oxford University Press, h. 106.

Antara langkah yang diperjuangkan oleh *Hijaz National Party* ialah mendesak supaya Raja Hussein meletakkan jawatan dan mendesak Ibn Saud menamatkan perperangan yang berlaku bagi mengelakkan pertumpahan darah. Oleh yang demikian, HNP menghantar telegram kepada Raja Hussein di Makkah. Telegram tersebut dihantar untuk mendesak Raja Hussein supaya mengundurkan diri daripada kerajaan Hijaz. Selain itu, seramai 40 orang yang terdiri daripada pedagang dan ulama juga menghantar surat rasmi kepada Raja Hussein supaya Raja Hussein melepaskan takhta dan mencalonkan anak beliau iaitu Amir Ali sebagai Raja Hijaz yang baharu.¹¹ Sikap Raja Hussein yang melakukan kezaliman dan penyelewengan juga menyebabkan rakyat Hijaz tidak menyokong kepimpinan beliau untuk kekal sebagai ketua pemerintah. Tambahan pula, sikap Raja Hussein yang dikatakan tidak bertolak ansur dan keengganannya menandatangani perjanjian persempadanan menyebabkan Ibn Saud melakukan serangan ke atas Hijaz. Justeru itu, HNP yang mewakili rakyat Hijaz sebulat suara menolak kepimpinan Raja Hussein. Hal ini dinyatakan seperti berikut:

*His Majesty King Hussein, Mecca, the situation is very grave and there is no time for negotiations. If you will not abdicate in favour of the Amir Ali, we yet beg, in the name of humanity that Your Majesty will abdicate so as to allow the nation to form a provisional Government as a means of stopping the bloodshed of innocent Moslems. It will then be possible to enter into negotiations for our safety with whomever it may appear necessary and later a successor can be appointed in accordance with our wishes. If you delay in complying with our request, upon your head be the blood of the Moslems, we beg you to incline before the opinion of the nation.*¹²

Oleh sebab desakan tersebut, pada 4 Oktober 1924, Raja Hussein bersetuju memberikan takhta kepada Amir Ali setelah memerintah Hijaz selama 8 tahun 10 bulan.¹³ Dengan berbuat demikian, pemberian takhta kepada Amir Ali juga membolehkan pengekalan Hijaz sebagai sebuah negara yang merdeka dan Raja Hijaz sebagai raja berdaulat yang menjadi penaung dan ketua pemerintah. Pada 6 Oktober 1924, Raja Hussein meninggalkan Jeddah dengan menggunakan kapal perang Hijaz iaitu “Raqmatain” menuju ke Aqaba.¹⁴ Hal ini dibuktikan dalam kiriman telegram oleh Raja Hussein kepada HNP iaitu:

This has been my principal desire which I have not ceased to express from the days of the Arab Revolt until now. Only a few minutes ago, I declared to you that I was prepared to accede with great pleasure, provided that you appoint some person other Ali. I was expecting this to happen quickly. I anticipate it with delight for I have no wish beyond the welfare of the country, its tranquillity and whatever seems necessary for its happiness.

*No objection. I have already announced to you that I agree to abdicate with great pleasure and that I have no wish other than the tranquillity of the country, its welfare and happiness. You should now appoint some officials here to take over the country and administration from me with all possible speed and I will then leave at once. If you delay taking over and any untoward event befalls, then you will be responsible. You have with you many Shereefs; send one of them or someone else. In this connection, if my son Ali the Amir will accept the position from you, then in like manner appoint him yourselves direct.*¹⁵

Dengan pengunduran Raja Hussein, HNP mengambil keputusan menubuhkan sebuah kerajaan demokrasi berperlembagaan yang pertama di Hijaz melalui perlembagaan dan pengajuran pilihan raya. Mereka kemudian membentuk barisan kabinet bagi menganggotai pentadbiran Hijaz. Anggota kabinet terdiri daripada Sheikh Abdullah Sarraj (Perdana Menteri), Tahir al-Dabbagh (Menteri Kewangan), Muhammad al-Tawil (Menteri Percukaian), Sharif Mohsin bin Mansur (Menteri Dalam Negeri), Fuad al-Khatib (Menteri Luar Negeri), Tahsin Pasha al-Fuqir (Menteri Pertahanan), Abdul Kadir Ghazawi (Menteri Perhubungan) dan Dr Khatib (Menteri Kesihatan).¹⁶ Oleh yang demikian, HNP berharap pelantikan tersebut dapat diterima oleh Ibn Saud. Selain itu, HNP turut mengeluarkan pekeliling yang diedarkan secara meluas kepada pemimpin-pemimpin Islam, menteri, jawatankuasa dan media seperti berikut:

¹¹ David Howard (1994), *The Desert King: A Life of Ibn Saud*, London: Collins, h. 143.

¹² IOR/L/PS/10/1115, File 1707/1924 Arabia: Jeddah situation; reports, 3 Oktober 1924.

¹³ Timothy J. Paris (2005), *Britain, the Hashemites and Arab Rule, 1920-1925*, h. 343.

¹⁴ James Wynbrandt (2004), *A Brief of Saudi Arabia*, New York: Checkmark Books, h. 182.

¹⁵ IOR/L/PS/10/1115, File 1707/1924 Arabia: Jeddah situation; reports, 3 Oktober 1924.

¹⁶ Randall Baker (1979), *King Husain and the Kingdom of Hejaz*, h. 208.

As the whole country of the Hijaz in general, and the two Holy Places in particular, have now been exposed to very grave and critical crisis, and as the Hijaz is the most holy place in the eyes of all the Islamic world, the nation has eventually decided and compelled Shereef Husayn to abdicate his throne and betake himself to wherever he likes to live.

In view of the existing disturbed atmosphere of the interior, and also to avoid the threatening revolutions and disturbances throughout the country, the nation has contemplated upon agreeing to the appointment of Amir Ali under the only title “The King of the Hijaz” and under a constitutional Government, provided that he will fully abide to the decisions of the whole Islamic world pertaining to all the rights and interests of these Holy Places.¹⁷

Pekeliling di atas menegaskan bahawa *Hijaz National Party* (HNP) mengisyiharkan bahawa Amir Ali dilantik sebagai Raja Hijaz secara berperlembagaan. Selain itu, pekeliling tersebut juga menunjukkan bahawa mereka memberikan baiah kepada Amir Ali kerana ketidakmampuan pemerintah yang sedia ada untuk mempertahankan dan melindungi nyawa serta harta benda sehingga menimbulkan kekacauan di Hijaz. Melalui pelantikan Amir Ali sebagai Raja Hijaz, HNP juga berharap agar Ibn Saud dapat menarik diri dan keluar dari Hijaz. Walau bagaimanapun, Ibn Saud tidak mahu menerima atau mengiktiraf keputusan mereka sehingga wilayah Hijaz berada di tangan beliau.¹⁸ Jelaslah bahawa tujuan penubuhan HNP ialah untuk menegakkan dan memelihara kedaulatan Hijaz.

Di samping itu, pemimpin HNP berusaha untuk mewujudkan penyelesaian secara damai. Para pemimpin HNP merayu kepada pemimpin Dunia Islam supaya melindungi dan campur tangan dalam konflik yang berlaku di Hijaz. Ini demikian kerana pemimpin Dunia Islam bertanggungjawab untuk menyelamatkan Hijaz daripada ancaman Ibn Saud bagi melindungi nyawa rakyat yang tidak bersalah. Selain itu, HNP menawarkan rundingan perdamaian dengan Ibn Saud supaya tidak melakukan serangan ke atas Hijaz selepas Raja Hussein digulingkan.¹⁹ Ini demikian kerana HLP mendapati bahawa perperangan yang berlaku adalah berpunca daripada konflik antara Ibn Saud dan Raja Hussein. Selain itu, mereka juga menegaskan supaya rakyat Hijaz bersatu padu untuk menyelamatkan negara mereka. Selain itu, akhbar *Barid al-Hijaz* menjadi lidah rasmi HNP. Akhbar *Barid al-Hijaz* bukan sahaja sebagai penerbitan politik tetapi juga dianggap sebagai satu usaha pemimpin-pemimpin Hijaz untuk mengekang konflik antara keluarga Ibn Saud dan keluarga Bani Hashim. Pada 26 November 1924, HNP menerbitkan akhbar *Barid al-Hijaz* sebagai suara rakyat selain sebagai lidah rasmi HNP yang memuatkan tulisan mengenai berita dan sumber maklumat yang berkaitan keadaan di Hijaz.²⁰ Kebiasaannya, isu politik yang berlaku di Hijaz menjadi topik perbincangan utama terutamanya penaklukan Ibn Saud ke atas Hijaz. Muhammad Salih Nasif merupakan penerbit dan pengarah yang bertanggungjawab untuk melakukan penerbitan bersama mantan editor *al-Qibla*, Tayyib al-Sasi. Melalui akhbar tersebut, ideologi nasionalisme juga dimuatkan untuk menyedarkan rakyat Hijaz supaya melindungi dan mempertahankan negara Hijaz. Ini seiring dengan motto akhbar *Barid al-Hijaz* iaitu “*patriotism is part of faith.*”

Bermula dengan ini, Ibn Saud secara beransur-ansur mula mengambil alih kedudukan dan pengaruh sebagai pemerintah. Pada 8 Januari 1926, Ibn Saud diisytiharkan sebagai *King of the Hejaz and Sultan of Najd and its Dependencies* selepas beliau menerima baiah daripada para pemimpin Hijaz.²¹ Bagi menjamin kesetiaan rakyat Hijaz dan pemerintahan beliau dapat kekal di Hijaz, beliau mengekalkan sistem pentadbiran Hijaz dan tokoh-tokoh utama termasuk para ulama dan ahli politik Hijaz diberikan peluang dan kedudukan istimewa dalam pentadbiran Ibn Saud. Hal ini dapat dilihat dalam pentadbiran iaitu Ibn Saud menujuhkan Majlis Perundingan di Makkah, Madinah, Jeddah, Yanbu dan Taif.²² Mereka diberikan keutamaan dalam mengisi jawatan Majlis Perundingan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal bandar. Antaranya ialah Muhammad Nasif, Abdullah, Qasim Zainal dan Ali Salama.²³ Walau bagaimanapun, pelantikan sebahagian anggota HNP dalam Majlis Perundingan juga dapat melumpuhkan perjuangan HNP dan mewujudkan perpecahan dalam kalangan pemimpin kepada dua

¹⁷ Francis E. Peters (1994), *Mecca: A Literary History of The Muslim Holy Land*, United Kingdom: Princeton University Press, h. 395-396.

¹⁸ Francis E. Peters (1994), *Mecca: A Literary History of The Muslim Holy Land*, h. 396.

¹⁹ Rosie Bsheer (2020), *Archive Wars the Politics of History in Saudi Arabia*, Stanford, California: Stanford University Press, h. 43.

²⁰ Ulrike Freitag (2020), *A History of Jeddah: The Gate to Mecca*, h. 211.

²¹ Alexei Vassiliev (2010), *The History of Saudi Arabia*, New York: Univ. Press, 2010. h. 265.

²² Alexei Vassiliev (2010), *The History of Saudi Arabia*, h. 266.

²³ Ulrike Freitag (2020), *A History of Jeddah: The Gate to Mecca*, h. 290.

kelompok iaitu pro-Ibn Saud dan anti-Ibn Saud. Akhirnya, Majlis Perundingan bertahan selama dua tahun sahaja. Peranan tokoh-tokoh terkenal terutamanya golongan pedagang kemudiannya diganti oleh orang Nejd. Keadaan tersebut semakin ketara setelah kemerosotan HNP. Hal ini dapat dilihat apabila Ibn Saud berusaha untuk menghapuskan golongan yang menentang beliau dan mengharamkan pertubuhan politik dan menangkap beberapa pemimpin HNP yang setia kepada keluarga Bani Hashim. Antaranya ialah Muhammad Tawil dan Tahir al-Dabbagh. Mereka kemudiannya melarikan diri dan mendapatkan perlindungan di Mesir. Oleh yang demikian, HNP diharamkan pada tahun 1926.

Berdasarkan perbincangan tersebut, jelaslah bahawa penubuhan HNP merupakan lanjutan daripada peristiwa pencerobohan Ibn Saud ke atas Taif pada tahun 1924. Golongan rakyat terutamanya tokoh-tokoh terkenal Hijaz mempunyai kesedaran awal terhadap keperluan memelihara kedaulatan Hijaz. Tindakan tokoh-tokoh terkenal ini dianggap sebagai langkah patriot bagi mempertahankan kedaulatan negara mereka sendiri. Oleh sebab penubuhan HNP untuk memelihara kedaulatan wilayah Hijaz, tidak dapat disangkal lagi bahawa HNP merupakan sebuah parti yang anti-Ibn Saud dan berjuang bagi mempertahankan Hijaz daripada pencerobohan Ibn Saud.

Perkembangan Gerakan Pembebasan Hijaz dan Anti-Ibn Saud

Gerakan Ikhwan

Perkembangan gerakan pembebasan Hijaz dan anti-Ibn Saud yang seterusnya muncul apabila terdapat gerakan memprotes atau mempertikai peranan dan pembuatan keputusan oleh Ibn Saud untuk menguasai Hijaz melalui kaedah politik dan pentadbiran. Gerakan protes ini dilakukan oleh gerakan Ikhwan²⁴ yang bermula pada tahun 1926. Gerakan Ikhwan dianggap sebagai gerakan politik yang penting dalam pemerintahan Ibn Saud kerana memainkan peranan penting dalam perjuangan dan penaklukan Ibn Saud di Semenanjung Tanah Arab. Antara peranan gerakan Ikhwan ialah penglibatan mereka dalam pertikaian di sempadan Nejd-Iraq-Kuwait pada awal tahun 1920-an dalam perjuangan secara bersenjata yang membawa kepada kejatuhan kerajaan Ibn Rashid di Hail pada tahun 1921, penaklukan Asir pada tahun 1921 hingga 1923 dan penaklukan Hijaz pada tahun 1924 hingga 1925.²⁵ Namun, desakan mula timbul bagi menuntut Ibn Saud memperbaiki kedudukan serta perubahan melalui pelbagai jawatan yang diperkenalkan. Beberapa pemimpin utama gerakan Ikhwan pula tidak diberi jawatan yang sewajarnya selepas Ibn Saud berjaya menguasai Hijaz. Oleh yang demikian, konflik antara Ibn Saud dan gerakan Ikhwan bermula dari tahun 1926 hingga 1930.

Setelah Ibn Saud diumumkan sebagai *King of The Hejaz and Sultan of Najd and its Dependencies* pada bulan Januari 1926, Ibn Saud tidak melantik pemimpin-pemimpin Ikhwan dalam pentadbiran Hijaz. Sebaliknya, Ibn Saud melantik golongan bangsawan Hijaz dan Nejd dalam pentadbiran beliau. Pemimpin suku Mutair, Faisal al-Dawish kemudiannya pulang ke markasnya di Artawiyyah kerana kecewa apabila Ibn Saud tidak melantik beliau sebagai Gabenor Madinah. Sultan Ibn Bijad juga kecewa kerana beliau tidak dilantik menjadi Gabenor dan Panglima Taif.²⁶ Faisal al-Dawish, Sultan Ibn Bijad dan Didan Ibn Hithlay mengambil keputusan untuk memberontak terhadap Ibn Saud sehingga memperlihatkan hubungan Ikhwan dengan Ibn Saud menjadi dingin.²⁷ Selain itu, salah seorang Sheikh Rwala turut menyertai gerakan Ikhwan untuk menentang Ibn Saud. Hal ini menunjukkan bahawa suku-suku di timur, utara, barat dan barat daya Riyadh mula memusuhi Ibn Saud. Namun, terdapat beberapa suku yang tidak menentang Ibn Saud iaitu suku Anazah, Harb dan Shammar.

²⁴ Gerakan Ikhwan diasaskan sekitar tahun 1908. Gerakan ini berasal dari sebuah kumpulan suku seramai 10 orang yang terdiri daripada dua suku Nejd iaitu Mutair dan Harb yang menetap di kota Harmeh dan menjalankan kegiatan penternakan unta. Pada tahun 1912, mereka berpindah ke Artawiyyah. Mereka bertindak meninggalkan kehidupan nomad untuk menetap dalam komuniti agama dan pertanian yang dikenali *hujar* atau dalam perkataan majmuknya *hijrah* yang bermaksud berhijrah. Istilah ‘berhijrah’ di sini menekankan matlamat keagamaan yang merujuk kepada penghijrahan Nabi Muhammad dari Kota Suci Makkah ke Madinah. *Hujar* bukan sahaja sebagai sebuah penempatan agama dan pertanian tetapi juga mempunyai fungsi penting sebagai kubu ketenteraan. Faisal al-Dawish yang berasal dari Bani Ulwa, suku Mutair merupakan Amir pertama di Artawiyyah yang terletak di antara laluan Kuwait-Qasim. Selain itu, terdapat satu lagi penempatan terkenal iaitu di al-Ghatghat, yang diketuai oleh pemimpin suku Utaibah iaitu Sultan Ibn Bijad. Lihat John Habib (1978), *Ibn Sa'ud's Warriors of Islam: The Ikhwan of Najd and Their Role in the Creation of the Sa'udi Kingdom, 1910-1930*, Leiden, Netherlands: Brill, h. 20-24; James Wynbrandt (2004), *A Brief History of Saudi Arabia*, h. 170-174; Mohammed Almana, (1980), *Arabia Unified: A Portrait of Ibn Saud*, London: Hutchinson Benham, h. 102-124.

²⁵ Joseph Kostiner (1985), “On Instruments and Their Designers: The Ikhwan of Najd and the Emergence of the Saudi State,” *Middle Eastern Studies*, Jil. 21, Bil. 3, h. 298.

²⁶ Michael Darlow dan Barbara Bray (2011), *Ibn Saud the Desert Warrior Who Created the Kingdom of Saudi Arabia*, New York: Skyhorse Publishing, h. 321-322.

²⁷ James Wynbrandt (2004), *A Brief History of Saudi Arabia*, h. 185.

Seterusnya, Faisal al-Dawish mengadakan pertemuan dengan rakannya, Sultan Ibn Bijad dan ketua suku Ajman, Dhaydan Ibn Hithlайн. Pertemuan tersebut berlangsung pada tahun 1926 di Artawiyyah. Dalam pertemuan tersebut, mereka mengkritik dasar-dasar dan kepimpinan Ibn Saud terutamanya pengenalan dan penggunaan teknologi moden serta kewajiban untuk melawan “orang kafir.”²⁸ Ini demikian kerana selepas Ibn Saud menguasai Hijaz, Ibn Saud melakukan pemodenan dengan memperkenalkan inovasi dan pemodenan ala Barat seperti telefon, telegraf, senjata api dan peluru. Pada waktu itu, semangat jihad menentang orang kafir amat menebal dalam jiwa pemimpin-pemimpin utama gerakan Ikhwan. Selain itu, Ibn Saud juga memperkenalkan sistem pengangkutan moden seperti kereta dan kapal terbang bagi memudahkan perjalanan antara Nejd dan Hijaz yang sebelum ini menggunakan pengangkutan unta. Mereka turut membantah cukai yang dikenakan terhadap suku.²⁹ Anggota Ikhwan merasakan bahawa inovasi dan pemodenan ala Barat tersebut bertentangan dengan fahaman Wahabi yang menolak amalan bidaah, khurafat, tasyul dan penyembahan kubur. Melalui pertemuan tersebut, Faisal al-Dawish, Dhaydan Ibn Hithlайн dan Sultan Ibn Bijad memutuskan untuk melancarkan pemberontakan terhadap Ibn Saud.

Ibn Saud pula menyeru gerakan Ikhwan supaya menghormati kepimpinan dan perintahnya sekiranya gerakan Ikhwan mahukan perdamaian. Bagi mengelakkan ancaman yang lebih besar, Ibn Saud bersedia untuk berkompromi dengan pemimpin utama Ikhwan melalui suatu persidangan. Pada bulan April 1927, Ibn Saud mengadakan Persidangan Riyadh dengan anggota Ikhwan dan pemimpin suku di Buraida, yang dihadiri sekitar 3,000 orang. Persidangan tersebut turut dihadiri oleh dua pemimpin utama gerakan Ikhwan, Faisal al-Dawish dan Dhaydan Ibn Hithlайн. Namun, Sultan Ibn Bijad tidak menyahut undangan tersebut. Persidangan tersebut diadakan bagi menyelesaikan konflik yang berlaku antara anggota Ikhwan dan Ibn Saud. Dalam persidangan tersebut, gerakan Ikhwan menuntut tiga perkara iaitu memansuhkan sistem telekomunikasi dan kereta, memansuhkan cukai yang diperkenalkan terhadap suku dan memusnahkan pos-pos kawalan di sempadan.³⁰ Walau bagaimanapun, Ibn Saud bersetuju untuk menurunkan cukai bagi mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh suku. Sebaliknya, Ibn Saud enggan memansuhkan penggunaan radio dan kereta serta pos-pos kawalan di sempadan.

Selepas Persidangan Riyadh tersebut, gerakan Ikhwan menyedari bahawa perjuangan secara bersenjata adalah satu-satunya cara untuk menjatuhkan Ibn Saud. Mereka menolak kaedah berkompromi dengan Ibn Saud yang didakwa sebagai bersifat pro-Barat. Para pemimpin Ikhwan merasakan bahawa hanya mereka sahaja menjadi pembela fahaman Wahabi yang sebenar. Justeru itu, Faisal al-Dawish menyusun rancangan untuk melancarkan serangan yang bermula di Iraq. Pada bulan Oktober 1927, Faisal al-Dawish menghantar gerakan Ikhwan dari suku Mutair yang dipimpin oleh sepupunya, Naif Ibn Mazyd al-Dawish untuk mengetuai serangan di Busayya di Iraq. Pada waktu itu, semangat jihad menentang Ibn Saud amat menebal dalam jiwa pemimpin-pemimpin utama gerakan Ikhwan. Mereka memusnahkan pos-pos kawalan dan membunuh semua polis dan pekerja yang terlibat dalam pembinaan pos-pos kawalan di Busayya.³¹ Gerakan Ikhwan juga menekan Ibn Saud agar mendesak pihak British supaya memusnahkan pos-pos kawalan yang lain.³² Walau bagaimanapun, Ibn Saud tidak menghiraukan desakan tersebut kerana perkara tersebut bukanlah suatu kesalahan yang besar dan bukan bersifat bidaah. Sebaliknya, tindakan tersebut mencabar kekuasaan dan kepimpinan Ibn Saud sehingga memaksa Ibn Saud mengambil tindakan terhadap gerakan Ikhwan.

Setelah gagal menggerakkan British untuk menyelesaikan konflik yang semakin meningkat, Ibn Saud mengadakan Persidangan Riyadh untuk kali kedua pada 5 November 1928.³³ Persidangan tersebut dihadiri oleh ribuan penduduk bandar, suku, tokoh terkenal dan ulama termasuklah anggota Ikhwan. Namun, Faisal al-Dawish dan Sultan Ibn Bijad tidak menghadiri persidangan tersebut. Faisal al-Dawish sebaliknya telah menghantar anaknya, Uzaziz ke persidangan tersebut. Dalam persidangan tersebut, Ibn Saud menawarkan diri untuk melepaskan takhta dan meminta semua orang yang hadir memilih dan melantik raja lain dalam kalangan keturunan beliau. Namun, semua orang yang hadir menyatakan sokongan mereka terhadap dasar Ibn Saud dan menolak tiga pemimpin Ikhwan yang memberontak.

²⁸ John Habib (1978), *Ibn Saud's Warriors of Islam: The Ikhwan of Najd and Their Role in the Creation of the Saudi Kingdom*, Leiden: Brill, h. 30; Peter Hopday (1978), *Saudi Arabia Today*, h. 30.

²⁹ Christine Moss Helms (2015), *The Cohesion of Saudi Arabia: Evolution of Political Identity*, London & New York: Routledge, h. 253.

³⁰ IOR/L/PS/10/1240, File 57/1928 Pt 9 Iraq-Nejd relations: discussions with Ibn Saud, 17 November 1928.

³¹ Christine Moss Helms (2015), *The Cohesion of Saudi Arabia*, h. 227.

³² Christine Moss Helms (2015), *The Cohesion of Saudi Arabia*, h. 254.

³³ John Habib (1978), *Ibn Saud's Warriors of Islam*, h. 130.

Gerakan Ikhwan tetap tidak berpuas hati dengan keputusan dalam Persidangan Riyadh tersebut. Gerakan Ikhwan kemudiannya melancarkan beberapa serangan di sempadan utara semenanjung Tanah Arab di Iraq, Kuwait dan Transjordan. Pada 6 November 1928, gerakan Ikhwan menyerang khemah pekerja yang membina tembok keselamatan dan membunuh mereka.³⁴ Pemimpin Ikhwan iaitu Faisal al-Dawish dan Dhaydan Ibn Hithlayn juga melancarkan beberapa siri serangan bukan sahaja di Iraq dan Kuwait tetapi juga menyerang beberapa suku Nejd yang setia kepada Ibn Saud. Pada bulan Disember 1928, sekumpulan suku Utaibah di bawah pimpinan Ibn Bijad pula menyerang penduduk di kampung al-Jumaymah yang terletak berhampiran dengan sempadan Iraq.³⁵ Mereka turut membunuh penduduk tempatan dan saudagar dari Nejd. Oleh yang demikian, Ibn Saud berusaha untuk memulaukan Faisal al-Dawish sehingga menyebabkan perpecahan dalam kalangan anggota Ikhwan. Ibn Saud turut memujuk suku Mutair agar berpihak kepada beliau bagi menentang Faisal al-Dawish.

Sememangnya, gerakan Ikhwan bertekad secara bersungguh-sungguh untuk melakukan serangan ke atas Ibn Saud. Pada 30 Mac 1929, konflik bersenjata antara gerakan Ikhwan dan Ibn Saud bermula di dataran Sabilla di Qasim yang menyaksikan gerakan Faisal al-Dawish dan Sultan Ibn Bijad berjaya dikalahkan.³⁶ Selepas mengalami kekalahan dalam pertempuran di Sabilla, Faisal al-Dawish melarikan diri ke Artawiyyah dan Ibn Bijad melarikan diri ke al-Ghatghat. Selain itu, Ibn Saud mendesak Ibn Bijad dan pengikutnya yang terlibat dalam pertempuran di Sabilla untuk menyerah diri. Ibn Saud turut memerintahkan supaya semua senjata di al-Ghatghat disita dan penempatan mereka dimusnahkan sepenuhnya. Akhirnya, Ibn Bijad menyerah diri dan dipenjarakan di Hasa bersama pemimpin gerakan Ikhwan yang lain. Mereka meninggal dunia di Hasa.

Pada bulan Julai 1929, Faisal al-Dawish memutuskan untuk melancarkan pemberontakan sekali lagi. Oleh yang demikian, Faisal al-Dawish bergabung dengan suku Ajman. Pada bulan September 1929, Faisal al-Dawish mengalami kekalahan teruk apabila pasukan yang dipimpin oleh Ibn Musaid mengalahkan suku Mutair yang dipimpin oleh putera Faisal al-Dawish, Uzaziz yang turut meninggal dunia dalam pertempuran tersebut.³⁷ Pada bulan Julai 1929, pemimpin Ikhwan berusaha untuk mengadakan rundingan perdamaian dengan British dan menawarkan perjanjian untuk membatalkan rancangan menyerang suku-suku Arab di Iraq dan Kuwait.³⁸ Pada bulan Oktober 1929, Faisal al-Dawish melarikan diri ke Kuwait untuk mendapatkan perlindungan di sana.³⁹ Pada akhir bulan Disember 1929, pasukan Faisal al-Dawish dikepung oleh pasukan Ibn Saud dan British di persimpangan sempadan Nejd, Iraq dan Kuwait. Pasukan Ibn Saud yang terdiri daripada tentera sukarelawan yang berasal dari bandar dan luar bandar serta suku Arab yang taat kepada Ibn Saud mengalahkan gerakan Ikhwan.

Dalam pengepungan tersebut, pasukan Ibn Saud juga menggunakan kereta perisai dan senjata moden yang dibekalkan oleh British untuk menentang gerakan Ikhwan. Keadaan tersebut telah melemahkan gerakan Ikhwan sehingga mereka tidak berdaya melancarkan serangan balas. Terdapat juga anggota gerakan Ikhwan yang melarikan diri dan menyerah diri. Pada 10 Januari 1930, Faisal al-Dawish dan anggota gerakan Ikhwan yang lain menyerah diri kepada pihak British di perbatasan Saudi-Kuwait.⁴⁰ Mereka kemudiannya dibawa dan dipenjarakan di Basra.⁴¹ Pada 12 Januari 1930, Ibn Saud menuntut penyerahan semula pemimpin Ikhwan. Pihak British mengizinkan penyerahan semula Faisal al-Dawish dan anggota Ikhwan yang lain kepada Ibn Saud dengan syarat mereka tidak akan dibunuh.⁴² Ibn Saud menghormati keputusan tersebut dengan memenjarakan anggota Ikhwan sebagai teladan.⁴³ Pada 27 Januari 1930, ketiga-tiga pemimpin gerakan Ikhwan itu dibawa kepada Ibn Saud dengan menaiki kapal terbang. Mereka menghabiskan sisa-sisa hidup mereka dalam penjara yang terletak di Riyadh. Pada 3 Oktober 1931, Faisal al-Dawish meninggal dunia dalam penjara di Riyadh.

³⁴ Michael Darlow and Barbara Bray (2011), *Ibn Saud the Desert Warrior*, h. 326.

³⁵ Joseph Kostiner (2013), “The Ikhwan Movement and its Role in Saudi Arabia’s State-Buiding,” dalam Kenneth Christie dan Mohammad Masad (ed.), *State Formation and Identity in the Middle East and North Africa*, New York: Palgrave Macmillan, h. 102.

³⁶ Untuk mengetahui pertempuran Sabilla secara lebih lanjut, lihat John Habib (1978), *Ibn Sa’ud’s Warriors of Islam*, h. 138-141; Madawi al-Rasheed (2010), *A History of Saudi Arabia*, Second Edition, Cambridge: Cambridge University Press, h. 134-136.

³⁷ Alexei Vasiliev (2010), *The History of Saudi Arabia*, h. 279.

³⁸ Christine Moss Helms (2015), *The Cohesion of Saudi Arabia*, h. 266-267.

³⁹ IOR/L/PS/10/1243, File 57/1928 Pt 12 Iraq-Nejd relations: Kuwait frontier situation, 30 Ogos 1929.

⁴⁰ Joseph Kostiner (2013), “The Ikhwan Movement,” h. 103; Daniel Silverfarb (1982), “Great Britain, Iraq, and Saudi Arabia: The Revolt of the Ikhwan, 1927-1930,” *The International History Review*, Jil. 4, Bil. 2, h. 246.

⁴¹ IOR/L/PS/10/1245, File 57/1928 Pt 14 Nejd and Kuwait: proposals for a comprehensive settlement between Ibn Saud and the Shaikh of Kuwait, 9 Januari 1930.

⁴² Alexei Vasiliev (2010), *The History of Saudi Arabia*, 280-281; Joseph Kostiner (1993), *The Making of Saudi Arabia: From Chieftaincy to Monarchical State*, New York: Oxford University Press, h. 139-140.

⁴³ John Habib (1978), *Ibn Saud’s Warriors*, h. 144-155.

Dalam hal ini, pertempuran antara Ibn Saud dan gerakan Ikhwan yang berlaku pada 30 Mac 1929 di Sabilla, berhampiran di Artawiyah merupakan satu pertempuran yang panjang dan sukar antara kedua-dua pihak. Dengan berakhirnya pertempuran tersebut, gerakan Ikhwan secara beransur-ansur mengalami kemerosotan. Penangkapan pemimpin gerakan Ikhwan dan tekanan oleh Ibn Saud terhadap gerakan tersebut juga membawa kepada kejatuhan gerakan tersebut. Selepas penangkapan pemimpin Ikhwan, gerakan tersebut akhirnya dibubarkan. Tidak dinafikan bahawa gerakan Ikhwan berjaya membangkitkan pemberontakan dalam kalangan anggota Ikhwan bagi membuat tuntutan mereka dalam sistem politik di Hijaz. Akhirnya, penempatan gerakan Ikhwan dihapuskan sepenuhnya dan gerakan Ikhwan ditukar nama kepada *National Guard*.

Hijaz Liberation Party (HLP)

Selepas Ibn Saud mengambil alih Hijaz pada tahun 1926, sebilangan tokoh terkenal Hijaz tidak berpuas hati terhadap perkembangan politik, ekonomi dan sosial di Hijaz. Misalnya, perubahan yang ketara dalam sistem politik ialah Hijaz tidak diberi taraf berkerajaan sendiri dan Ibn Saud tidak mahu menguatkuasakan perlembagaan Hijaz sebagaimana yang digubal ketika pemerintahan Raja Hussein dahulu. Kedatangan Ibn Saud ke Hijaz bukan sahaja mengubah struktur pentadbiran dan politik tetapi juga turut memberi impak kepada sistem ekonomi rakyat Hijaz. Misalnya, Ibn Saud mengenakan cukai yang tinggi dan meneroka sumber galian dengan bantuan pihak asing. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan ekonomi negara memandangkan terdapat krisis ekonomi dunia ketika itu. Justeru itu, perubahan semasa yang berlaku dalam tempoh itu di Hijaz tidak dapat diterima oleh sebilangan rakyat Hijaz yang ingin membebaskan Hijaz daripada pengaruh Ibn Saud sehingga kemunculan *Hijaz Liberation Party*.

Hijaz Liberation Party (HLP) atau juga dikenali sebagai *Hizb al-Ahrar al-Hijazi* ditubuhkan pada tahun 1928. HLP ditubuhkan bermatlamat untuk membebaskan Hijaz daripada pencerobohan dan penaklukan Ibn Saud yang merupakan orang luar dan bukan merupakan rakyat Hijaz. Dalam erti kata lain, HLP ingin membebaskan Kota Suci Makkah dan Madinah daripada pengaruh fahaman Wahabi serta menubuhkan pemerintahan demokrasi berperlembagaan di Hijaz.⁴⁴ Hussein al-Dabbagh merupakan pengasas HLP. Pada tahun 1927, Hussein al-Dabbagh menubuhkan sebuah persatuan yang dikenali *Anjuman Hizb al-Ahrar* di Makkah.⁴⁵ Pada bulan Disember 1928, Hussein al-Dabbagh mengadakan kerjasama politik dengan bekas wakil kerajaan Bani Hashim di Mesir, Abdul Hamid al-Khatib. Mereka akhirnya bersetuju untuk menjadikan *Anjuman Hizb al-Ahrar* sebagai sebuah persatuan secara rasmi dan mendaftarkannya sebagai sebuah kelab sosial. *Anjuman Hizb al-Ahrar* kemudian dikenali sebagai *Hizb al-Ahrar al-Hijazi*. Oleh itu, jelaslah bahawa Hussein al-Dabbagh memainkan peranan penting dalam penubuhan HLP.

Dari segi organisasi, HLP menggunakan kaedah surat-menyurat untuk berkomunikasi dalam kalangan anggotanya. Langkah tersebut dilakukan bertujuan untuk melindungi kegiatan HLP daripada didedahkan secara umum dan dihidu oleh pihak berkuasa. HLP menggunakan kaedah kod rahsia yang terdiri daripada beberapa huruf dan simbol dalam surat-menyurat.⁴⁶ Dari segi kewangan, pada umumnya, pemimpin utama HLP mempunyai wang bagi menampung kegiatan HLP. Sumber kewangan HLP juga bergantung kepada sumbangan bulanan oleh pemimpin dan anggota HLP. Setiap anggota HLP diwajibkan membayar yuran keahlian sebanyak £10 (Mesir) untuk perbendaharaan HLP. Selain itu, sumber kewangan HLP juga sebahagian besarnya disumbangkan oleh pemerintah di Transjordan, Amir Abdullah. Sumber kewangan HLP juga ditaja oleh beberapa persatuan dan individu di luar negara terutamanya di India. Dengan adanya sumber kewangan yang utuh, mereka dapat melaksanakan kegiatan HLP, selain berjaya menarik sokongan dengan cara menawarkan wang agar menyertai gerakan HLP. Oleh yang demikian, bantuan kewangan tersebut menjadi penguat dalam perjuangan HLP.

Secara umumnya, HLP berjuang bagi menuntut agar sistem demokrasi dikembalikan kepada rakyat Hijaz dan berusaha menamatkan pemerintahaan Ibn Saud di Hijaz. Pada tahun 1928, HLP menerbitkan dan mengedarkan sebuah piagam yang dinamakan sebagai Piagam Kebangsaan Hijaz. Piagam tersebut dicetak di Makkah dan dikeluarkan oleh Jawatankuasa Eksekutif Pusat, HLP. Piagam Kebangsaan Hijaz merupakan sebuah teks yang memuatkan pengisyhtaran perjuangan HLP terutamanya pemerintahan yang bebas, berperlembagaan dan berteraskan demokrasi. Piagam Kebangsaan Hijaz disahkan oleh ahli

⁴⁴ David Rundell (2020), *Vision or Mirage: Saudi Arabia at the Crossroads*, London: Bloomsbury Publishing PLC, h. 34.

⁴⁵ Joseph Kostiner (1993), *The Making of Saudi Arabia*, h. 159.

⁴⁶ Umm al-Qura, 26 Ogos 1932.

Jawatankuasa Eksekutif Pusat, HLP yang terdiri daripada Ali al-Dabbagh, Mohammed al-Dabbagh, Hussein al-Dabbagh, Sayyid Abdul Wahab al-Idris, Sharif Khalif Sadiq, Sayyid Mohammed Haidar, Aqeel Abbas dan Ali al-Hassan.⁴⁷ Melalui Piagam Kebangsaan, HLP dapat melaksanakan satu dasar perjuangan politik secara berprinsip bagi mempengaruhi dan menyebarkan pengaruh HLP kepada pelbagai pihak. Terdapat tujuh perkara yang menjadi teras utama perjuangan HLP yang menyeru penentuan nasib sendiri dan tadbir urus sendiri di Hijaz.⁴⁸

Melalui piagam tersebut, HLP juga merayu kepada Dunia Islam agar menyokong perjuangan mereka. Rekod British mendedahkan terdapat banyak surat daripada HLP yang telah dihantar kepada Dunia Islam. Surat tersebut mengandungi Piagam Kebangsaan Hijaz dan menyeru semua umat Islam di Dunia Islam untuk membantu HLP bagi membebaskan Hijaz daripada penaklukan Ibn Saud. Selain itu, pemimpin-pemimpin utama HLP mengadakan kunjungan ke beberapa buah negara Islam dan mengadakan pertemuan dengan individu-individu terkemuka bagi mendapatkan sokongan mereka dalam perjuangan HLP.⁴⁹ Antara individu terkemuka yang menerima surat rayuan daripada HLP ialah Shaukat Ali di Bombay, India, Raja Fuad di Mesir, Sayyid Ali al-Mirghani di Sudan dan Sheikh Ali Yahya di Yaman. Ini dilakukan semata-mata untuk mendapatkan sokongan daripada semua pihak yang berkepentingan agar menyokong perjuangan HLP.

Pemimpin utama HLP terdiri daripada tokoh-tokoh terkenal Hijaz yang pernah menjawat jawatan tinggi semasa pemerintahan kerajaan Bani Hashim (1916-1925). Selain itu, mereka juga terdiri daripada ahli perniagaan dan pedagang terkenal. HLP dipimpin oleh beberapa anggota keluarga al-Dabbagh dan al-Sabban. Antaranya ialah Hussein al-Dabbagh, Tahir al-Dabbagh dan Abdul Rauf al-Sabban. Mereka juga merupakan pemimpin yang terlibat secara langsung dalam penubuhan *Hijaz National Party* (HNP). Hussein al-Dabbagh atau nama sebenarnya ialah Sayyid Hussein bin Abdullah al-Dabbagh aktif menentang dasar Ibn Saud di Hijaz. Beliau merupakan ahli perniagaan Hijaz yang terkenal. Selepas penguasaan Ibn Saud ke atas Hijaz pada tahun 1926, Hussein al-Dabbagh mlarikan diri ke Mesir dan kemudiannya ke Iraq selain mempunyai hubungan rapat dengan bekas Raja Hijaz, Amir Ali.⁵⁰ Hussein al-Dabbagh turut bergiat aktif dalam penulisan artikel berbentuk propaganda untuk membangkitkan penentangan terhadap Ibn Saud di Hijaz dan sekitar Yaman.⁵¹ Beliau juga memiliki dokumen subversif yang dicetak untuk diedarkan di Yaman dan beberapa tempat lain.

Selain Hussein al-Dabbagh, Tahir al-Dabbagh atau dikenali sebagai Sayyid Tahir bin Mas'ud al-Dabbagh juga merupakan pemimpin HLP yang menonjol dalam perjuangan HLP. Tahir al-Dabbagh merupakan bapa saudara kepada Hussein al-Dabbagh. Beliau dilahirkan pada tahun 1890.⁵² Tahir al-Dabbagh merupakan bekas Menteri Kewangan ketika era pemerintahan Raja Hussein. Selain itu, Tahir al-Dabbagh merupakan mantan setiausaha *Hijaz National Party* (HNP) dan mempunyai ibu pejabat di Kedai Buku al-Ta'lif yang terletak di Shariah Abdul Aziz. Dengan pengalaman dan khidmat yang luas dalam HNP, Tahir al-Dabbagh dilantik sebagai Setiausaha HLP. Beliau juga aktif melakukan kunjungan ke Eritrea⁵³, Mesir, Palestin, Transjordan dan Iraq bagi mempromosikan perjuangan dan melakukan propaganda menentang Ibn Saud.

Selain itu, akhbar *al-Ummah* menjadi saluran utama untuk menyebarkan propaganda menentang Ibn Saud. Mereka mengkritik kelemahan rejim Ibn Saud yang bersifat autokratik. Ini bertujuan untuk memberikan gambaran jelas mengenai perkembangan politik semasa dan mempengaruhi anggota masyarakat supaya menentang Ibn Saud. Pada tahun 1925, Tahir al-Dabbagh dan dua orang sahabatnya iaitu Mas'ud al-Dabbagh dan Muhammad Amin Shanqiti menerbitkan sebuah akhbar yang dikenali sebagai *al-Ummah*, sebuah akhbar yang menentang pemerintahan Ibn Saud dan diterbitkan di Kaherah, Mesir.⁵⁴ Dengan berbuat demikian, peranan akhbar tersebut akan menjadi lebih meluas dan dikenali

⁴⁷ FO 141/764/6, Various memoranda on the rebellion in Hejaz against the Saudi regime, including a report of the defeat of the rebel forces at Jebel Shar, 12 Januari 1933.

⁴⁸ FO 141/764/119, Arabia: anti Ibn Saud movement, 16 Januari 1928.

⁴⁹ Malik R. Dahlan (2018), *The Hijaz*, h. 120.

⁵⁰ FO 141/724/7, Memoranda on the activities of an organisation in Aden sympathetic to the rebellion in Hejaz, and information on the rebel leaders, including Ibn Rifada, following their defeat at Jebel Shar, 15 Ogos 1932.

⁵¹ IOR/L/PS/12/2102, Coll 6/36(1) Transjordan-Nejd Frontier Affairs, 22 Julai 1932.

⁵² Ibrahim F. al-Shraah, (2010), "Hijaz Liberals Party and its Political Role between 1928 and 1935," *Political and Social Studies*, Vol. 37, No.1, h. 25.

⁵³ Eritrea terletak di antara wilayah Ethiopia dan Sudan. Ibu kota Eritrea ialah Asmara yang terletak di dataran tinggi. Lihat Martin Plaut (2016), *Understanding Eritrea Inside Africa's Most Repressive State*, Oxford: Oxford University Press, h. 1-3.

⁵⁴ FO 141/724/6 Various memoranda on the rebellion in Hejaz against the Saudi regime, including a report of the defeat of the rebel forces at Jebel Shar, 27 Julai 1932.

ramai. Malah, hasil daripada sebaran yang dilakukan oleh akhbar *al-Ummah* berjaya menghebahkan berita penubuhan HLP. Tegasnya, akhbar *al-Ummah* menjadi saluran utama untuk menyebarkan propaganda menentang Ibn Saud.

Abdul Rauf al-Sabban juga adalah tokoh utama yang memainkan peranan penting dalam perjuangan HLP. Beliau dilahirkan di Hijaz.⁵⁵ Beliau mendapat pendidikan di Hijaz dan Mesir. Pada tahun 1925, beliau merupakan editor sebuah akhbar kecil di Mesir dan menulis artikel untuk penduduk setempat.⁵⁶ Pada tahun 1931, Amir Abdullah melantik Abdul Rauf al-Sabban sebagai pengurus ladang kurma.⁵⁷ Oleh sebab tekanan politik yang dihadapi oleh Amir Abdullah pada tahun 1932, Amir Abdullah memecat Abdul Rauf al-Sabban yang terlibat dalam kegiatan anti-Ibn Saud. Walaupun beliau dipecat oleh Amir Abdullah, beliau tetap meneruskan perjuangannya bersama HLP. Pada tahun 1932, Abdul Rauf al-Sabban bergiat aktif melakukan propaganda dalam akhbar yang bersifat anti-Ibn Saud dan menguruskan sumber kewangan HLP. Beliau bergiat aktif dalam melakukan kunjungan ke Transjordan dan Mesir.⁵⁸ Selain itu, beliau juga bergiat aktif menguruskan kegiatan HLP di Eritrea.

Kekuatan HLP turut menyerlah melalui penubuhan beberapa cawangan HLP di sekitar kawasan Semenanjung Tanah Arab. Penubuhan cawangan HLP biasanya terletak di kawasan ibu kota yang terkenal dan strategik. Pada peringkat awal penubuhan HLP, HLP dilaporkan telah menubuhkan cawangan kecil dan rahsia di Kota Suci Makkah dan Madinah. Bukan sahaja cawangan HLP yang ditubuhkan di Semenanjung Tanah Arab mendapat sambutan tetapi cawangan HLP yang ditubuhkan di luar Semenanjung Tanah Arab turut mendapat sambutan yang menggalakkan. Pada bulan Januari 1932, HLP menubuhkan dua cawangan iaitu di Mesir dan Transjordan.⁵⁹ Setiap cawangan mempunyai keahlian yang dikatakan agak ramai dan aktif. Walau bagaimanapun, rekod perisikan British tidak mencatatkan jumlah sebenar keahlian HLP dengan jelas. Dalam rekod tersebut hanya mengandungi catatan mengenai kegiatan pemimpin-pemimpin utama dan anggota HLP yang bergiat aktif. Oleh yang demikian, kesungguhan pemimpin utama HLP dalam menyebarkan pengaruh mereka terbukti menghasilkan natijah yang berkesan melalui penubuhan cawangan HLP.

Penubuhan beberapa cawangan HLP jelas menunjukkan bahawa HLP mendapat sokongan yang cukup baik terutamanya daripada rakyat Hijaz di seluruh Semenanjung Tanah Arab. Melalui cawangan yang ditubuhkan, HLP juga dapat berkembang dengan kukuh. Selain Hijaz, HLP bergerak aktif di lapan negara iaitu Transjordan, Mesir, Eritrea, India, Palestin, Yaman, Iraq dan India.⁶⁰ Mereka berjaya mewujudkan konspirasi politik yang meluas di Aden, Lahej, Mukalla (Hadramaut), Yaman, Asir, Kamaran, Makkah, Massawa, Mesir, Palestin, Transjordan, Iraq, Eritrea dan India. Cawangan HLP di Aden merupakan antara cawangan yang amat aktif dan menjadi pusat kegiatan utama HLP yang dapat memudahkan anggota HLP untuk bersembunyi dan menjadi pusat pembekalan senjata dalam persiapan melancarkan pemberontakan terhadap Ibn Saud. Cawangan HLP di Transjordan dan Mesir pula memainkan peranan penting dalam menguruskan sumber kewangan HLP.

Di samping itu, HLP mempunyai jalinan perhubungan baik dengan pemerintah di Transjordan, Amir Abdullah melalui melalui sokongan moral dan bantuan kewangan. Perhubungan terjalin setelah Hussein al-Dabbagh berkunjung ke Amman untuk mengadakan kerjasama politik dengan Amir Abdullah pada bulan Disember 1931.⁶¹ Setelah perhubungan mereka terjalin, Amir Abdullah membekalkan senjata kepada HLP. Hal ini juga diakui oleh Muhammad Said sebagaimana yang dimuatkan dalam akhbar *Umm al-Qura* pada 26 Ogos 1932 mengenai hubungan politik Amir Abdullah dalam kegiatan HLP.⁶² Amir Abdullah dan adiknya, Amir Zaid juga terlibat dalam usaha untuk memperkuuh perhubungan dengan Pengawal Pantai di Ismailia dan seorang Inspektor di Kantara bagi tujuan pembekalan senjata seperti senapang, katrij dan belati dari Mesir. Tegasnya, bantuan kewangan dan sokongan moral merupakan bukti kukuh yang memperlihatkan hubungan baik Amir Abdullah dengan HLP.

⁵⁵ FO 141/724/6, Various memoranda on the rebellion in Hejaz against the Saudi regime, including a report of the defeat of the rebel forces at Jebel Shar, 5 Ogos, 1932.

⁵⁶ FO 141/724/6, Various memoranda on the rebellion in Hejaz against the Saudi regime, including a report of the defeat of the rebel forces at Jebel Shar, 27 Julai 1932.

⁵⁷ Ibid.

⁵⁸ FO 141/724/6, Various memoranda on the rebellion in Hejaz against the Saudi regime, including a report of the defeat of the rebel forces at Jebel Shar, 27 Julai 1932.

⁵⁹ Joseph Kostiner (1993), *The Making of Saudi Arabia*, h. 159.

⁶⁰ Malik R. Dahlan (2018), *The Hijaz*, h. 118.

⁶¹ CO 732/65/7, Anti-Saudi activities of Tahir ad Dabbagh and Muhammed Sadiq, 27 Januari 1933.

⁶² *Umm al-Qura*, 26 Ogos 1932.

Oleh sebab perjuangan HLP bermatlamat untuk mengusir Ibn Saud dari Hijaz dan mewujudkan sistem pemerintahan demokrasi di Hijaz, HLP bergerak ke arah menjayakan matlamat tersebut. HLP kemudian merancang perjuangan secara bersenjata. HLP juga memberikan sokongan kepada pemberontakan yang dipimpin oleh ketua suku Billi, Ibn Rifada. Bagi menjayakan rancangan tersebut, HLP melalui cawangannya di Mesir telah membantu Ibn Rifada dari segi sumber kewangan, pembekalan senjata selain menjadi orang tengah dalam perhubungan antara suku bagi melancarkan pemberontakan terhadap Ibn Saud. Senjata pula dibekalkan melalui jalan laut. Walau bagaimanapun, pada 30 Julai 1932, Ibn Rifada dan dua orang anak beliau iaitu Fallah dan Hammad dilaporkan terbunuh dalam pertempuran.⁶³ Selain itu, HLP menumpukan pada kerjasama dengan bekas pemerintah Asir, Hassan al-Idrisi yang pernah mentadbir wilayah Asir selama hampir satu dekad. Oleh yang demikian, HLP menggalakkan pemberontakan yang diketuai oleh Hassan al-Idrisi, yang berusaha untuk mendapatkan semula kemerdekaan Asir sepenuhnya daripada Ibn Saud. Pada tahun 1930, satu pertemuan antara Hussein al-Dabbagh dan Hassan al-Idrisi telah diadakan di Luhayyah bagi mengadakan pakatan politik.⁶⁴ Melalui pertemuan tersebut, mereka bersetuju untuk melancarkan pemberontakan terhadap Ibn Saud. Oleh yang demikian, pihak HLP menyalurkan wang, senjata dan menjamin sokongan Amir Abdullah dalam pemberontakan di Asir.

Pada bulan November 1930, dalam menghadapi penularan kegiatan anti-Ibn Saud di Asir, Ibn Saud mengambil alih pemerintahan langsung di Asir. Pada bulan Disember 1932, pasukan Hassan al-Idrisi telah dikalahkan di Sabiya. Hassan al-Idrisi pula melarikan diri ke Yaman. Keadaan tersebut menimbulkan pertikaian antara Ibn Saud dan Imam Yaman iaitu Imam Yahya. HLP turut membantu dan menyokong Imam Yahya bagi menentang Ibn Saud. Oleh sebab pemberontakan tersebut disokong oleh HLP. Sebagai reaksi, Ibn Saud menghantar pasukan beliau untuk menghalang penularan pemberontakan di Asir. Pada tahun 1933, pasukan Ibn Saud tiba di Midi dan Najran yang terletak di Yaman untuk melakukan serangan balas terhadap Imam Yahya.⁶⁵ Akhirnya, Ibn Saud berjaya menakluk wilayah yang berada di bawah kawalan Imam Yahya. Pada bulan Jun 1932, Ibn Saud dan Imam Yahya menandatangani satu perjanjian di Taif. Wilayah Asir termasuk Najran diserahkan sepenuhnya kepada Ibn Saud dan wilayah yang diduduki oleh Ibn Saud di Yaman dikembalikan kepada Imam Yahya.

Pada hakikatnya, Ibn Rifada, Hassan al-Idrisi dan Imam Yahya menerima beberapa bantuan daripada HLP. Dengan bantuan kewangan tersebut, mereka dapat membeli bekalan dan senjata. Ini jelas membuktikan bahawa bantuan yang diberikan oleh HLP memainkan peranan besar dalam mengerakkan pemberontakan. Kesemua pemberontakan tersebut membuktikan dengan jelas bahawa perkara tersebut telah dirancang dan diatur oleh HLP.

Namun begitu, Ibn Saud akhirnya berjaya mendapatkan bukti seperti surat-menjurat mengenai kegiatan HLP yang berjaya dipintas oleh Menteri Luar Negeri, Fuad Hamzah.⁶⁶ Fuad Hamzah menghantar mesej kepada pihak British bagi melahirkan rasa tidak puas hati Ibn Saud terhadap pemimpin HLP dan meminta supaya pihak British mengambil langkah yang serius dalam mengekang kegiatan HLP. Tindakan yang diambil oleh British dan Ibn Saud menyebabkan kegiatan HLP menjadi semakin merosot. Akhirnya, pada tahun 1936, HLP diharamkan dengan serta merta.

Kesimpulan

Kesimpulannya, perkembangan awal gerakan pembebasan Hijaz dan anti-Ibn Saud telah bermula melalui *Hijaz National Party*. Rakyat Hijaz yang sekian lama menginginkan kebebasan akhirnya bangkit menyuarakan pandangan sendiri dalam usaha untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat umum. Kemuncak kepada perkembangan gerakan pembebasan Hijaz dan anti-Ibn Saud ialah kemunculan gerakan Ikhwan dan *Hijaz Liberation Party* yang lantang mengkritik tindak-tanduk Ibn Saud dan berani menyuarakan hasrat untuk melancarkan penentangan secara bersenjata.

⁶³ FO 142/724/7, Memoranda on the activities of an organisation in Aden sympathetic to the rebellion in Hejaz, and information on the rebel leaders, including Ibn Rifada, following their defeat at Jebel Shar, 28 Ogos 1932.

⁶⁴ Alexei Vasiliev (2010), *The History of Saudi Arabia*, h. 282.

⁶⁵ Joseph Kostiner (1992), "Britain and the Challenge of the Axis Powers in Arabia: The Decline of British-Saudi Cooperation in the 1930's," dalam Michael J. Cohen (ed.), *Britain and the Middle East in the 1930s: security problems, 1935-39*, New York: Palgrave Macmillan, 1992, h. 131.

⁶⁶ FO 967/46, Internal situation in Hejaz-Nejd, 18 November 1932.

Pencerobohan dan penaklukan Ibn Saud ke atas Hijaz yang bermula pada tahun 1924 membawa kepada reaksi dan penentangan masyarakat tempatan. Kemunculan gerakan pembebasan Hijaz dan anti-Ibn Saud di Hijaz menunjukkan bahawa mereka berjaya menggerakkan masyarakat untuk bangkit menentang Ibn Saud. Berikutan penentangan dan gerakan pembebasan Hijaz dan anti-Ibn Saud yang merupakan reaksi daripada masyarakat tempatan, akhirnya Ibn Saud menyatukan wilayah Hijaz dan Nejd sehingga membawa kepada penubuhan negara Arab Saudi pada tahun 1932. Pada 18 September 1932, Ibn Saud mengubah gelaran “King of The Hejaz and Sultan of Najd and its Dependencies” kepada Raja Arab Saudi manakala Hijaz menjadi sebahagian daripada wilayah Arab Saudi.

Rujukan

- Almana, Mohammed (1980), *Arabia Unified: A Portrait of Ibn Saud*, London: Hutchinson Benham.
- Al-Rasheed, Madawi (2010), *A History of Saudi Arabia*, Edisi Ke-2, Cambridge: Cambridge University Press.
- Al-Rasheed, Madawi (2013), *A Most Masculine State: Gender, Politics and Religion in Saudi Arabia*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Al-Shraah, Ibrahim F. (2010), “Hijaz Liberals Party and its Political Role between 1928 and 1935,” *Political and Social Studies*, Jil. 37, Bil. 1.
- Baker, Randall (1979), *King Husain and the Kingdom of Hejaz*, Cambridge: Oleander Press.
- Beling, Willard A. (1980), *King Faisal and the Modernation of Saudi Arabia*, London: Westview Press.
- Bsheer, Rosie (2020), *Archive Wars the Politics of History in Saudi Arabia*, Stanford, California: Stanford University Press.
- CO 732/65/7, Anti-Saudi activities of Tahir ad Dabbagh and Muhammed Sadiq.
- Commins, David (2006), *The Wahhabi Mission and the Saudi Arabia*, London & New York: I. B. Tauris.
- Dahlan, Malik R. (2018), *The Hijaz: The First Islamic State*, New York: Oxford University Press.
- Darlow, Michael dan Bray, Barbara (2011), *Ibn Saud the Desert Warrior Who Created the Kingdom of Saudi Arabia*, New York: Skyhorse Publishing.
- FO 141/724/6, Various memoranda on the rebellion in Hejaz against the Saudi regime, including a report of the defeat of the rebel forces at Jebel Shar.
- FO 141/724/7, Memoranda on the activities of an organisation in Aden sympathetic to the rebellion in Hejaz, and information on the rebel leaders, including Ibn Rifada, following their defeat at Jebel Shar.
- FO 141/764/119, Arabia: anti Ibn Saud movement.
- FO 967/46, Internal situation in Hejaz-Nejd.
- Freitag, Ulrike (2020), *A History of Jeddah: The Gate to Mecca in the Nineteenth and Twentieth Centuries*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Habib, John S. (1978), *Ibn Saud's Warriors of Islam: The Ikhwan of Najd and Their Role in the Creation of the Saudi Kingdom*, Leiden: Brill.
- Helms, Christine Moss (2015), *The Cohesion of Saudi Arabia: Evolution of Political Identity*, London & New York: Routledge.

Journal of Al-Tamaddun, Vol. 18 (1), 2023, 79-93

Hopday, Peter (1978), *Saudi Arabia Today: An Introduction to the Richest Oil Power*, London: McMillan Press.

Howard, David (1994), *The Desert King: A Life of Ibn Saud*, London: Collins.

IOR/L/PS/10/1115, File 1707/1924 Arabia: Jedda situation; reports.

IOR/L/PS/10/1240, File 57/1928 Pt 9 Iraq-Nejd relations: discussions with Ibn Saud.

IOR/L/PS/10/1243, File 57/1928 Pt 12 Iraq-Nejd relations: Kuwait frontier situation.

IOR/L/PS/10/1245, File 57/1928 Pt 14 Nejd and Kuwait: proposals for a comprehensive settlement between Ibn Saud and the Shaikh of Kuwait.

IOR/L/PS/12/2102, Coll 6/36(1) Transjordan-Nejd Frontier Affairs.

Kostiner, Joseph (1985), “On Instruments and Their Designers: The Ikhwan of Najd and the Emergence of the Saudi State,” *Middle Eastern Studies*, Jil. 21, Bil. 3.

Kostiner, Joseph (1992), “Britain and the Challenge of the Axis Powers in Arabia: The Decline of British-Saudi Cooperation in the 1930’s,” dalam Michael J. Cohen (ed.), *Britain and the Middle East in the 1930s: security problems, 1935-39*, New York: Palgrave Macmillan.

Kostiner, Joseph (2013), “The Ikhwan Movement and its Role in Saudi Arabia’s State-Buiding,” dalam Kenneth Christie dan Mohammad Masad (ed.), *State Formation and Identity in the Middle East and North Africa*, New York: Palgrave Macmillan.

Kostiner, Joseph (2018), *The Making of Saudi Arabia: From Chieftaincy to Monarchical State*, New York: Oxford University Press.

McLoughlin, Leslie (1993), *Ibn Saud: Founder of a Kingdom*, London: Macmillan Press.

Paris, Timothy, J. (2005), *Britain, the Hashemites and Arab Rule, 1920-1925: The Sherifian Solution*, London: Frank Cass.

Peters, Francis E. (1994), *Mecca: A Literary History of the Muslim Holy Land*, United Kingdom: Princeton University Press.

Plaut, Martin (2016), *Understanding Eritrea Inside Africa’s Most Repressive State*, Oxford; Oxford University Press.

Robert, Swanson (2019), “The Rise of a King and the Birth of a State: The Development of Saudi Arabia in the Context of World War I,” *The Thetean: A Student Journal for Scholarly Historical Writing*, Jil. 48, Bil. 1.

Rundell, David (2020), *Vision or Mirage: Saudi Arabia at the Crossroads*, London: Bloomsbury Publishing PLC.

Silverfarb, Daniel (1982), “Great Britain, Iraq, and Saudi Arabia: The Revolt of the Ikhwan, 1927-1930,” *The International History Review*, Jil. 4, Bil. 2.

Teitelbaum, Joshua (2001), *The Rise and The Fall of the Hashemite Kingdom of Arabia*, London: Hurst & Company.

Umm al-Qura.

Vasiliev, Alexei (2010), *The History of Saudi Arabia*, New York: Univ. Press.

Perkembangan Gerakan Pembebasan Hijaz dan Anti Ibn Saud, 1920-an Hingga 1930-an

Wilson, Mary C. (1991), "The Hashimite, The Arab Revolt and Arab Nationalism," dalam Rashid Khalidi (ed.), *The Origins of Arab Nationalism*, New York: Columbia University Press.

Wynbrandt, James dan Gerges, Fawaz A. (2014), *A Brief of Saudi Arabia*, New York: Checkmark Books.

